

Headline	Bajet 2018 asas Malaysia berekonomi maju: PM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	605 cm ²
Journalist	Adha Ghazali	AdValue	RM 20,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,565



Bajet 2018 asas Malaysia berekonomi maju: PM

➔ Keupayaan kerajaan BN
mampu pastikan sasaran tercapai



Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

✦ Alor Setar

Bajet 2018 akan menjadi asas menjadikan Malaysia sebuah negara berekonomi maju dengan sasaran muncul antara 20 negara terbaik dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata atas sebab itu, rakyat perlu terus memberikan kepercayaan kepada kerajaan hari ini untuk meneruskan agenda dirangka khususnya melalui Bajet 2018, yang dibentangkan Jumaat lalu.

Katanya, hanya kerajaan yang

tahu untuk mentadbir dan mempunyai kekuatan dalaman serta boleh menentukan keamanan sahaja, mampu memastikan sasaran itu tercapai.

Beliau berkata, keupayaan kerajaan ditunjangi BN mentadbir negara memberikan Malaysia kebolehan untuk terus bersyukur kerana masih mampu untuk terus bercita-cita ke arah sebuah negara berekonomi maju.

“Semalam, saya jumpa Imam Besar Masjid Al-Quds iaitu masjid ketiga darjat ketinggiannya dalam Islam. Dia pernah ditembak oleh rejim Zionis sewaktu sembahyang di masjid.

“Beliau seronok berada di Malaysia kerana aman dan tenteram, apatah lagi satu demi satu negara Islam terumbang-ambing...kalau tak hancur (negara Islam), tak ada kerajaan, lemah, jadi sarang Daesh atau ramai mati akibat perang saudara dan konflik.

“Berbeza dengan Malaysia yang aman, di mana kita masih boleh fikir berapa harga tiket bola atau dapat bas ke tak (nak pergi tengok bola), sedangkan orang di sana, fikir esok hidup atau tak hidup, cukup makan ke tidak.

“Rohingya berbaris dari jam 5

Headline	Bajet 2018 asas Malaysia berekonomi maju: PM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	605 cm ²
Journalist	Adha Ghazali	AdValue	RM 20,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,565

[FOTO AMRAN HAMID /BH]



Najib bersama Ahmad Bashah beramah mesra dengan penjawat awam selepas majlis Perjumpaan Bersama Penjawat Awam Negeri Kedah di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, semalam.

pagi sampai petang dan makan sekali sehari sahaja. Alhamdulillah kita masih boleh bercita-cita lebih jauh, ke arah ekonomi maju dan Bajet 2018 jadi asasnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis perjumpaan bersama penjawat awam di negeri Kedah, di Stadium Sultan Abdul Halim, di sini, semalam. Yang turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Mengenai Bajet 2018, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan sesekali menampilkan bajet yang tidak mungkin dapat dilaksanakan, seperti dizahirkan pakatan pembangkang yang secara terang-terangan bersifat sandiwara politik.

Bukan bajet sandiwara

"Bukan senang nak sediakan bajet sebab nak kena fikir pelbagai sudut supaya ia bersifat komprehensif, inklusif, adil dan ada sentuhannya kepada semua pihak.

"Ini bukan bajet sandiwara dan bukan bajet parti pembangkang, tetapi ini bajet kerajaan Barisan Nasional (BN), yang tadbir negara dengan jayanya sejak 60 tahun,

apatah lagi kita ada visi masa hadapan iaitu TN50 (Transformasi Nasional 2050) nak jadikan Malaysia sebagai negara 20 terbaik di dunia," katanya.

Mengenai Kedah, Perdana Menteri berkata, pembangunan Zon Ekonomi Khas di Bukit Kayu Hitam, yang diluluskan melalui Bajet 2018 akan menjadi antara pemangkin utama kepada pembangunan bukan sahaja di negeri itu, malah wilayah utara khususnya dalam sektor logistik.

"Kita nak buat Zon Ekonomi Khas di Bukit Kayu Hitam dan jaringannya sampai ke selatan, jadi eksport negara Thailand akan kita turunkan di Pulau Pinang dan kita akan untung... wilayah utara kita majukan dan banyak lagi akan kita lakukan," katanya.

Perdana Menteri turut berjanji untuk menyelesaikan isu air yang menjadi kerisauan rakyat Kedah, malah kepentingan pesawah padi turut diambil kira melalui bantuan RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan antara musim menuai, yang dimanfaatkan 60,000 petani di negeri ini.

"BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) di Kedah juga hampir 600,000 orang terima dan kita tak pilih

bulu. Bayangkan setahun hampir RM660 juta kita suntik ke dalam ekonomi negeri, maka Kedah akan lebih maju sampai ke peringkat pasar tani dan kedai kecil kerana kita bagi suntikan dan merangsangkan ekonomi tempatan," katanya.

Selain itu, Najib juga meninjau projek Loji Rawatan Air (LRA) Pokok Sena di Kebun 500, yang dibangunkan khusus untuk mengatasi masalah bekalan air kepada 63,000 penduduk di sekitar Pokok Sena, utara Pendang dan selatan Padang Terap, terutama di kawasan bertekanan rendah.

Perdana Menteri meluangkan masa hampir sejam, termasuk mendengar taklimat mengenai loji bernilai RM68 juta itu, yang dijangka siap sepenuhnya pada 15 November ini.

LRA Pokok Sena dibangunkan Kerajaan Persekutuan di atas tapak berkeluasan 2.2 hektar dengan kapasiti penghasilan 30 juta liter air sehari.

Taklimat mengenai perkembangan LRA itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Darul Aman (SADA), Datuk Abdul Ghani Zainuddin.